

Perang Dingin Baharu Amerika Syarikat–China

Oleh MOHD ARIF JUHANI ABDUL RAHMAN



SELEPAS perang dagang Amerika Syarikat dan China yang sudah memakan masa selama lebih 18 bulan mula menunjukkan tanda-tanda kembali reda pada Januari lalu melalui perjanjian perdagangan fasa pertama, hubungan antara dua kuasa besar dunia itu kembali bergolak pada Mei lalu. Perjanjian perdagangan fasa pertama yang ditandatangani oleh Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump dan Naib Perdana Menteri China, Liu He di Rumah Putih bakal menyaksikan tindakan Washington untuk mengurangkan tarif atas barangan dari Beijing. Langkah itu dibuat sebagai timbal balas kepada komitmen China untuk membeli lebih banyak barangan Amerika yang meliputi produk pertanian, tenaga dan perkilangan.

Berdasarkan dokumen perjanjian yang dikeluarkan oleh Perwakilan Perdagangan

Amerika Syarikat, China menyatakan persetujuan untuk meningkatkan pembelian produk dan perkhidmatan dari Amerika dengan jumlah nilai sekitar RM870.34 bilion (AS\$200 bilion) dalam tempoh dua tahun akan datang. Sementara itu, Amerika Syarikat pula akan memotong separuh kadar tarif yang dikenakan bermula 1 September atas kira-kira RM522.20 bilion (AS\$120 bilion) barangan China yang disenaraikan.

Menurut Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Steven Mnuchin, kadar tarif 25 peratus yang dikenakan Amerika Syarikat atas barangan China yang bernilai kira-kira RM1.1 trilion (AS\$250 bilion) yang disenaraikan sebelum ini masih tidak berubah dan akan disemak semula dalam rundingan perdagangan bagi fasa kedua. Tarif yang sepatutnya dijadualkan berkuat kuasa pada 15 Disember yang merangkumi hampir RM696.27 bilion (AS\$160 bilion) barangan China termasuklah telefon pintar, komputer, komputer riba, barang mainan, dan pakaian telah digantung selamanya. Sebagai balasan, tarif yang dikenakan China termasuklah 25 peratus atas barangan kereta buatan Amerika turut digantung.

Perjanjian fasa pertama ini turut menuntut komitmen perundangan yang lebih kukuh dari China untuk melindungi paten, tanda perniagaan, hak cipta termasuklah membaiki prosedur jenayah dan sivil untuk membasmi pencerobohan dalam talian, cetak rompak dan pemalsuan produk.

Selain itu, maklumat rasmi Amerika Syarikat memberitahu bahawa perjanjian fasa pertama itu turut merangkumi usaha pemulihan akses pasaran perkhidmatan kewangan China terhadap syarikat Amerika termasuklah perbankan, insurans, perkhidmatan penarafan kredit dan keselamatan. Hal ini sudah tentu peluang terbaik untuk China meningkatkan

kadar import perkhidmatan kewangan dari Amerika Syarikat. Segala-galanya kelihatan agak lancar sehinggalah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac lalu, mengisytiharkan status wabak COVID-19 yang bermula dari Wuhan, China, sebagai pandemik. Pengisytiharan itu sekali gus menyebabkan banyak negara terpaksa melakukan sekatan pergerakan sehingga menjejaskan aktiviti perdagangan, perniagaan dan ekonomi.

Oleh sebab itu, Trump tidak menunggu lama untuk melancarkan serangan baharu apabila menyatakan kecurigaannya bahawa COVID-19 berpunca daripada Institut Virologi Wuhan di China. Trump turut menuduh WHO cuba melindungi China serta mengungkit sumbangan yang diberikan kepada WHO yang lebih tinggi, iaitu hampir RM2.2 bilion (AS\$500 juta) setiap tahun berbanding dengan sumbangan China RM165.36 juta (AS\$38 juta) bagi tempoh yang sama.

Berang dengan kelemahan WHO dalam menangani ancaman penularan COVID-19 di seluruh dunia, Trump turut mengarahkan supaya pendanaan kepada agensi antarabangsa tersebut digantung sementara waktu bagi memberi ruang kepada semakan dibuat bagi menilai kaedah pengendalian yang diamalkan untuk menangani ancaman wabak di seluruh dunia.

Tindakan Trump tersebut sebenarnya tidak berasas kerana penjawat Presiden secara tipikal tidak mempunyai bidang kuasa untuk bertindak demikian. Sebaliknya hal ini merupakan peruntukan kuasa yang diberikan kepada Kongres. Satu daripada kaedah yang boleh digunakan oleh Trump untuk bertindak demikian sebagai presiden adalah di bawah Akta Kawalan Pembendungan 1974. Di bawah peruntukan ini, Presiden boleh mengusulkan untuk menggantung pendanaan yang diluluskan oleh Kongres. Namun begitu, langkah ini masih memerlukan kelulusan Kongres dalam tempoh 45 hari. Jika gagal, dana tersebut mesti dikembalikan kepada pemilik yang diberi mandat oleh Kongres.

Sementara itu, Trump turut menjelaskan bahawa pentadbirannya dalam usaha

menjalankan siasatan serius yang boleh mengaitkan penularan COVID-19 dengan China bagi mendapatkan pampasan daripada negara itu. Kesungguhan Trump untuk meletakkan China sebagai sasaran utama dalam penyebaran virus COVID-19 ini bagi memastikan imej dan kedudukannya sebagai Presiden boleh dipertahankan menjelang pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang akan berlangsung pada tahun ini.

Langkah menuntut pampasan itu turut dilakukan oleh sebuah akhbar Jerman yang menggesa China membayar pampasan kepada negara itu sebanyak RM718.03 bilion (AS\$165 bilion) disebabkan penularan COVID-19 yang gagal dibendung dari awal. Peningkatan retorik serangan agresif Washington terhadap Beijing mencapai tahap yang membimbangkan apabila melibatkan perjanjian perdagangan antara kedua-dua buah negara. Hal ini dikatakan demikian apabila Trump menyatakan kemungkinan tersebut dengan menjelaskan bahawa Washington boleh menjimatkan RM2175.85 bilion (AS\$500 bilion) jika memutuskan hubungan dengan Beijing. Angka tersebut merujuk anggaran jumlah import tahunan Amerika dari China.

Ancaman Trump itu mendapat reaksi keras daripada *Global Times* selaku media utama pemerintah China apabila menyifatkan tindakan putus hubungan itu sebagai "gila", selain menyatakan bahawa Trump melancarkan serangan hanyalah sebagai strategi untuk menang pemilihan jawatan tersebut tetapi dengan kaedah yang mengarut. Penganalisis turut menyatakan kebimbangan daripada ancaman tersebut yang boleh mengancam perjanjian perdagangan Amerika Syarikat-China.

Scott Kennedy daripada Washington's Centre for Strategic and International Studies menggambarkan ancaman Trump sebagai "keberanian yang berbahaya". Sudah tentu dalam hal ini, banyak pihak melihat bahawa

Trump mengugut untuk menaikkan kadar tarif jika China enggan mengizinkan kumpulan pakar asing terlibat dalam menyiasat asal usul penularan COVID-19.

Perang Dingin Amerika

risiko perang dagang untuk meningkat semula berada pada tahap yang amat membimbangkan, apatah lagi selepas Trump menegaskan ancaman tersebut lantaran melihat sikap China yang enggan bekerjasama dengan berkongsi maklumat mengenai COVID-19.

Sekiranya konflik ini berlaku, menurut Raoul Leering, Ketua Penganalisis Perdagangan Antarabangsa dari ING Bank N.V, Trump bakal membatalkan fasa satu perjanjian dengan Beijing yang dibincangkan sebelum ini. Trump bahkan mengugut untuk menaikkan kadar tarif sebagai "hukuman muktamad" jika China enggan mengizinkan kumpulan pakar asing terlibat dalam menyiasat asal usul penularan COVID-19.

Bagi menjelaskan konflik yang kembali bergolok antara dua kuasa besar ini, mantan jururunding perdagangan utama Rumah Putih, Cleve Willems, berpendapat bahawa peningkatan ketegangan tersebut yang mana secara terang berpunca daripada COVID-19 bakal menjadi pencetus kepada Perang Dingin baharu. Beliau yang juga merupakan mantan

Timbalan Pengarah Majlis Ekonomi

Kebangsaan Amerika Syarikat

berkata, istilah yang dikemukakan

itu agak kontroversi tetapi

langkah pemulihan perlu

diambil segera untuk

mengelakkan situasi

daripada terus bertambah

parah.

Walaupun ditohmah

berulang kali kerana

dianggap lemah bagi

menangani penularan wabak,

Beijing menafikan tuduhan

Washington dan membalas tuduhan

dengan mendakwa kemungkinan pihak

tentera Amerika Syarikat yang membawa virus

tersebut ke Wuhan. Namun begitu, dalam

jangkaan perang dagang baharu ini, konflik

yang tercetus antara Washington dengan

Beijing bukan lagi mengenai kadar tarif yang

akan dikenakan terhadap barangan pihak

seterunya tetapi adalah mengenai persaingan

teknologi untuk mendominasi komunikasi

tanpa wayar.

Pada Mei lalu, Washington telah memulakan tindakan dengan menyekat pembangunan komunikasi generasi kelima (5G) China dengan mensasarkan Huawei Technologies iaitu firma teknologi terbesar China yang mengeluarkan peralatan telekomunikasi dan merupakan perintis kepada pembekalan teknologi generasi kelima (5G). Jika perang dingin antara Amerika Syarikat dengan Rusia dahulu melibatkan peningkatan persaingan penciptaan teknologi ke angkasa lepas dan bulan tetapi dalam "perang dingin" Washington dan Beijing ini, teknologi komunikasi, kecerdasan buatan (AI) dan data raya pula akan menjadi latar persaingan antara dua buah kuasa besar dunia itu. Menurut Reshma Kapadia menerusi artikel berjudul "*The U.S. and China's Next Battle Won't Be Won with Tariffs*", pada ketika ini, China mendahului dari segi teknologi 5G dengan pelaburan dan pengaturan infrastruktur.

Secara kasarnya, sebanyak RM739.79 bilion (AS\$170 bilion) telah diperuntukkan bagi tempoh lima tahun akan datang untuk membangunkan jaringan 5G dan pada hujung tahun ini, China dijangkakan memiliki 620 ribu pangkalan stesen bagi menyokong peningkatan kemampuan 5G. Kemajuan 5G ini yang dikagumi kerana kelajuan internet yang tinggi dan kadar lengahan (*latency*) yang rendah bukan sahaja bermanfaat bagi komunikasi, sebaliknya keupayaan ini boleh diperluas dan dipadankan dengan teknologi grid pintar, kenderaan tanpa pemandu, senjata automatik dan pembedahan robotik.

Semasa pandemik berlaku, bahkan China telah memanfaatkan infrastruktur 5G untuk mengurus keperluan kesihatan pesakit dan menggerakkan kenderaan tanpa pemandu bagi menjalankan operasi sanitasi di Wuhan. Hal ini agak berbeza di Amerika apabila 5G secara umumnya terhad di bandar dan stadium sukan sahaja, manakala pelaburan dalam teknologi ini pula kebanyakannya datang daripada sektor swasta. Menurut Paul Triolo, penganalisis daripada Eurasia Group, Amerika kini masih jauh ketinggalan berbanding dengan China dari segi pelaburan 5G.

Washington turut memandang curiga penguasaan meluas Beijing dalam teknologi 5G,

Washington memulakan tindakan menyekat pembangunan komunikasi generasi kelima (5G) China dengan mensasarkan Huawei Technologies iaitu firma teknologi terbesar China.

bahkan pada awal tahun ini, Peguam Negara Amerika Syarikat, William Barr, menyifatkan dominasi China dalam jaringan telekomunikasi 5G sebagai satu daripada ancaman utama terhadap ekonomi dan keselamatan negara Amerika Syarikat. Beliau juga mengakui bahawa buat pertama kali dalam sejarah, Amerika gagal mendahului dalam era teknologi seterusnya.

Pada Februari lalu, Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Mark Esper turut memberikan amaran terhadap negara Eropah bahawa hubungan dengan Amerika berisiko terjejas sekiranya kumpulan negara tersebut menggunakan kelengkapan Huawei dalam jaringan 5G. Ancaman dan tindakan Amerika Syarikat atas Huawei juga pernah dilaksanakan pada tahun lalu dengan menyekat akses Huawei kepada komponen yang dikeluarkan oleh pembekal daripada Amerika Syarikat termasuklah Intel, Qualcomm, Broadcom dan Xilinx.

Namun begitu, difahamkan ada peraturan tersebut yang dilonggarkan apabila terdapat syarikat yang memperoleh lesen untuk terus berurus niaga dengan Huawei. Meskipun hasil pendapatan Huawei agak merosot pada tahun lalu, jualan masih mencecah RM526.56 bilion (AS\$121 bilion), malah Huawei juga memintas kedudukan Apple sebagai pengeluar telefon pintar yang kedua terbesar dunia.

Pada Mei lalu, Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat telah meminda peraturan eksport dengan mengurangkan akses Huawei kepada pengeluar cip dunia yang menggunakan teknologi Amerika. Tentunya langkah ini akan memberikan kesan besar kepada Perkilangan Semikonduktor Taiwan (TSM) yang mengeluarkan cip yang lebih maju untuk telefon pintar 5G, manakala Huawei ialah pelanggan terbesar kepada syarikat pengeluar cip dari Taiwan itu. Berdasarkan perubahan peraturan itu, syarikat asing yang menggunakan kelengkapan pembuatan cip Amerika Syarikat perlu mendapatkan lesen terlebih dahulu sebelum membekalkan cip tertentu untuk Huawei atau pihak yang berkaitan seperti HiSilicon.

Menurut Setiausaha Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat, Wilbur Ross, perubahan

tersebut untuk mengelakkan teknologi Amerika daripada membolehkan sebarang aktiviti jahat yang bertentangan dengan keselamatan negara dan kepentingan dasar luar Amerika dibuat. Langkah ini, kata Triolo, akan menjadi ledakan besar kepada Huawei dan cita-cita besar China terhadap 5G seterusnya menentukan hala tuju hubungan Washington-Beijing dalam tempoh terdekat. China juga dijangkakan bertindak balas dengan mengeluarkan senarai syarikat Amerika yang dikategorikan sebagai "entiti yang tidak boleh dipercayai".

Antara syarikat Amerika yang terkesan daripada tindakan China ialah Apple, manakala syarikat kapal terbang Boeing pula terpaksa berputih mata apabila China menggantung pembelian pesawat. Tindakan Washington terhadap Huawei dan China itu mendapat reaksi pelbagai. Xiang Ligang, Pengarah Urusan Persatuan Industri Telekomunikasi China, menjelaskan bahawa langkah Amerika Syarikat itu hanya cubaan menembak kaki sendiri. Hal ini demikian kerana industri cip China akan meningkatkan penyelidikan dan kemampuan pengeluaran.

Tambahnya lagi, kesan buruk yang ditanggung Huawei hanyalah untuk jangka masa pendek. Sekiranya Huawei gagal mendapatkan bekalan cip OEM, syarikat itu masih boleh mencuba untuk berurusan dengan Qualcomm dan Samsung. Walau bagaimanapun, untuk jangka masa panjang, keadaan ini akan menggugat pengaruh Amerika Syarikat tatkala China semakin maju dari segi pembangunan dan pengeluaran.

Walaupun apa-apa pun yang terjadi, perang dingin baharu ini akan memberikan kesan yang jauh lebih besar kepada dunia berbanding dengan konfrontasi Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet pada suatu ketika dahulu. Namun begitu, tatkala dunia masih berhempas pulas menghadapi COVID-19, konflik dua buah kuasa besar ini bukanlah sesuatu yang wajar. •

Peguam Negara Amerika Syarikat, William Barr, menyifatkan dominasi China dalam jaringan telekomunikasi 5G sebagai ancaman utama ekonomi dan keselamatan negara Amerika Syarikat.